



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

OKTOBER 2025

EDISI 15

BULETIN APB

L I F E L O N G L E A R N I N G

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Membudayakan Bahasa Arab dalam Kehidupan Sehari-hari

**NIK MAHFUZH NIK MAT, NURUL SYAFAWANI HALIM & MOHD NUR FITRI
MOHD SALIM**

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

Pembelajaran bahasa Arab sering dianggap mencabar, khususnya bagi penutur bukan jati. Namun begitu, dengan strategi yang sesuai, bahasa ini boleh diintegrasikan dalam rutin harian sehingga menjadi sebahagian daripada kehidupan, di samping membina kemahiran dan pengetahuan secara berterusan.

Interaksi harian menggunakan bahasa Arab sama ada melalui perbualan bersama penutur jati atau rakan sekelas, membolehkan pelajar berlatih secara spontan dan membina keyakinan. Lebih menarik, aktiviti ringkas seperti menyapa, bertanya arah atau memberi pandangan dalam bahasa Arab dapat menimbulkan rasa kebiasaan. Selain itu, pendedahan berterusan kepada media Arab seperti radio, televisyen dan podcast memberikan suasana alami daripada penutur jati, sekaligus memperkukuh kemahiran mendengar bahasa Arab (Almelhes, 2024). Rentetan daripada ini, pelajar bukan sekadar mampu untuk menghafal leksikal, bahkan menghidupkan bahasa tersebut dalam kehidupan harian mereka.



Sekiranya pengalaman harian memberi ruang untuk latihan semula jadi, teknologi pula hadir sebagai pemangkin sokongan. Platform digital berasaskan kecerdasan buatan (AI) kini menawarkan pembelajaran yang interaktif dan

mampu menyesuaikan kandungan mengikut tahap pelajar. Pelajar juga mendapat maklum balas segera serta menjadikan proses pembelajaran lebih fleksibel dan menarik. Dalam konteks pendidikan jarak jauh, penggunaan rakaman kuliah dan aktiviti interaktif secara maya mampu mengekalkan penglibatan serta motivasi pelajar (Sa'idah et al., 2024). Maka jelaslah bahawa teknologi melengkapkan pembelajaran seharian dengan sokongan digital yang berterusan.

Selain pengalaman dan teknologi, kepelbagaian strategi turut memainkan peranan penting. Setiap pelajar memiliki gaya pembelajaran yang berbeza, justeru pendekatan metakognitif yang melibatkan perancangan, pemantauan dan penilaian sendiri amat berguna. Kaedah kreatif seperti pembelajaran berasaskan permainan juga menjadikan pengalaman belajar lebih menyeronokkan. Kajian menunjukkan bahawa gabungan pendekatan tradisional dengan teknik moden dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa (Hanani et al., 2024). Dengan adanya variasi strategi, proses pembelajaran lebih menarik dan tidak membosankan di samping mampu mengekalkan minat pelajar secara konsisten.

Walau bagaimanapun, semua strategi ini tetap bergantung pada asas yang kukuh iaitu penguasaan leksikal. Pengulangan berjarak (*spaced repetition*) antara teknik hafalan terbaik bagi menguasai leksikal bahasa Arab. Manakala, tumpuan pada kolokasi pula, mampu memperkayakan kefasihan serta kefahaman pelajar ketika berkomunikasi dalam bahasa Arab (Asbullah et al., 2019).

Ada pun, bahasa dan budaya tidak dapat dipisahkan. Pemahaman budaya Arab melalui kesusasteraan, muzik, makanan atau tradisi masyarakat bukan sahaja memperluas pengetahuan pelajar, tetapi juga memberi makna

yang lebih mendalam terhadap penggunaan bahasa. Penerapan budaya menjadikan pembelajaran lebih hidup dan sarat dengan nuansa (Almelhes, 2024). Justeru, penguasaan bahasa yang sebenar tidak hanya bergantung kepada aspek linguistik semata-mata, tetapi turut menuntut kepada penghayatan budaya.

Akhirnya, strategi pembelajaran bahasa Arab yang berkesan memerlukan kesatuan antara pengalaman harian, penggunaan teknologi, strategi yang pelbagai, penguasaan leksikal serta penerapan budaya. Apabila kesemua aspek ini digabungkan, pembelajaran tidak lagi terbatas di bilik darjah, sebaliknya menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian yang memberi kesan jangka masa panjang terhadap penguasaan bahasa Arab.

Rujukan

- Asbulah, L. H., Othman, A., & Rahman, M. A. (2019). Vocabulary learning strategies and collocation acquisition in Arabic language learning. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1), 15–29.
- Almelhes, S. (2024). Enhancing Arabic language acquisition: Effective strategies for addressing non-native learners' challenges. *Education Sciences*, 14(10), 1116. <https://doi.org/10.3390/educsci14101116>
- Hanani, N., Ahid, N., & Sufirmansyah. (2024). An eclectic approach to Arabic language education: Implementing Kitab al-Amṣilah at-Taṣrifiyyah in modern Indonesian pesantrens. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(2), 29–42. <https://doi.org/10.15575/jpi.v10i2.38651>
- Sa'idah, M. A., Diantoro, K., Mahmudah, U., Dolan, E., Santoso, N. A., & Raihana Putri Junaedi, S. (2024). Enhancing Arabic language teaching through artificial intelligence: Assessing effectiveness and educational implications. In *2024 3rd International Conference on Creative Communication and Innovative Technology (ICCIIT)*. IEEE. <https://doi.org/10.1109/ICCIIT62134.2024.10701089>